

## STRATEGI PENGURUSAN MASA MENGULANG HAFAZAN AL-QURAN PELAJAR FAST-TRACK SPM DI AKADEMI INTEGRASI TAHFIZ AL-FALAH (AITAF)

*Time management practices for qur'anic memorisation revision among fast-track SPM students at al-falah integrated tahfiz academy (AITAF)*

\*Sharifah Noorhidayah Syed Aziz<sup>1</sup>, Lissailin Baharudin<sup>2</sup>, Tariq Ziyad Muhammad<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Peradaban Islam  
Universiti Islam Selangor (UIS)  
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

<sup>2</sup>Sekolah Menengah Agama Nilai,  
71800 Negeri Sembilan, Malaysia

\*Corresponding author's email: [sh.noorhidayah@uis.edu.my](mailto:sh.noorhidayah@uis.edu.my)

Submitted:	Accepted:	Revised:	Published:
14-Oct-2025	02-Nov-2025	31-Dec-2025	30-Jun-2026

### Abstrak

Akademi Integrasi Tahfiz al-Falah (AITAF) merupakan sebuah institusi yang menyediakan satu platform khusus bagi pelajar huffaz yang ingin menyambung pengajian di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan kaedah cepat dan segera (Fast-Track SPM) secara sistematik dan teratur. Tujuannya adalah bagi memastikan setiap pelajar huffaz berpeluang mendapat pendidikan secara formal tanpa mengabaikan tanggungjawab mengulang hafazan Al-Quran mereka. Namun, pelajar lepasan AITAF sering berhadapan cabaran besar untuk mengekalkan hafaazan al-Quran walaupun mempunyai pelbagai tugas akademik dan bebanan tugas yang lain. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji pelaksanaan pengurusan masa mengulang hafazan al-Quran. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan kajian kes. Seramai 5 orang pelajar lepasan SPM di AITAF yang mempunyai latar belakang yang berbeza dipilih sebagai peserta kajian. Hasil temubual yang telah direkod, ditranskripsi dan dianalisis secara tematik. Hasil kajian mendapati pelajar menghadapi kesukaran menyeimbangkan antara komitmen lain dan pengulangan hafazan al-Quran. Diharapkan kajian ini dapat memberi motivasi dan semangat kepada para huffaz yang sedang berjuang dalam istiqamah mengekalkan kualiti hafazan dan menjadikan al-Quran sebagai panduan hidup di dunia dan syafaat di akhirat.

**Kata Kunci:** pengurusan masa; mengulang hafazan al-Quran, AITAF, Fast-Track SPM

### Abstract

*Akademi Integrasi Tahfiz al-Falah (AITAF) is an institution that provides a dedicated platform for huffaz (Quran memorizers) students who wish to continue their studies at the Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) level through a fast-track and systematic approach. The aim is to ensure that every huffaz student has the opportunity to receive formal education without neglecting their responsibility to revise and maintain their Quran memorization. However, AITAF graduates often face significant challenges in maintaining their Quran memorization despite having various academic tasks and other workload burdens. Therefore, this study aims to examine the implementation of time management in revising Quran memorization. This is a qualitative study using a case study approach. Five SPM graduates from AITAF with different backgrounds were selected as study participants. The results of the interviews were recorded, transcribed, and analyzed*

*thematically. The findings show that students face difficulties in balancing other commitments and the repetition of Quran memorization. It is hoped that this study can provide motivation and encouragement to huffaz who are striving to consistently maintain the quality of their memorization and make the Quran a guide in life and a source of intercession in the hereafter.*

**Keywords:** Time management; revising Quran memorization, AITAF, Fast-Track SPM

## 1.0 PENGENALAN

Program tahfiz al-Quran yang digabungkan dengan akademik kini menjadi pilihan utama dalam sistem pendidikan Islam di Malaysia (Mohd Nawawi et al., 2021). Pendekatan ini bertujuan melahirkan pelajar yang bukan sahaja menguasai hafazan al-Quran, tetapi turut cemerlang dalam bidang akademik. Salah satu institusi yang melaksanakan model ini ialah Akademi Integrasi Tahfiz al-Falah (AITAF), yang menawarkan program Fast-Track SPM kepada pelajar tahfiz berpotensi tinggi. Pelajar dalam program ini berhadapan dengan cabaran besar dari segi pengurusan masa, kerana mereka perlu menyeimbangkan antara jadual hafazan, ulang kaji akademik dan aktiviti ko-kurikulum (Daud & Musa, 2021). Proses mengulang hafazan menjadi aspek penting dalam mengekalkan ingatan dan kualiti bacaan al-Quran, namun kekangan masa sering menjejaskan keberkesanannya (Fakhrudin et al., 2020). Oleh itu, keupayaan mengurus masa secara sistematik amat diperlukan agar pelajar mampu mengekalkan prestasi hafazan tanpa mengabaikan pencapaian akademik (Hussin et al., 2021).

Menghafaz al-Quran sememangnya memerlukan pengorbanan yang besar, komitmen yang tinggi dan usaha yang berterusan (Jamaluddin, 2017). Bagi setiap penghafaz al-Quran, mengurus masa mengulang hafazan al-Quran merupakan perkara penting untuk mengekalkan hafazan dan meningkatkan pemahaman berkaitan isi kandungan al-Quran (Salihin M.S, 2021 & Syed Aziz, S.N et al., 2023). Dalam proses mengingati al-Quran, hafazan perlu sentiasa diulang secara teratur dan konsisten agar kekal dalam ingatan. Proses ini menjadi sukar apabila pelajar tidak mengurus masa dengan baik, terutama apabila berhadapan dengan kesibukan harian (Kadir et al., 2021). Strategi dan pengurusan yang baik amat diperlukan bagi memudahkan proses mengulang hafazan. Amalan ini memberi kesan positif seperti pengukuhan hafazan, peningkatan kefahaman, serta pembinaan hubungan yang lebih dekat dengan al-Quran (Ramlan et al., 2025).

## 2.0 AKADEMI INTEGRASI TAHFIZ AL-FALAH (AITAF)

Di peringkat sekolah menengah di Malaysia, peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) merupakan syarat utama bagi pelajar yang ingin melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi. Menyedari keperluan ini, Akademi Integrasi Tahfiz al-Falah (AITAF) telah ditubuhkan sebagai sebuah institusi pendidikan yang berperanan membantu masyarakat khususnya golongan huffaz memperoleh peluang pendidikan akademik secara formal (Aitaf. Y, 2025).

Penubuhan AITAF bertujuan memperkasa potensi diri pelajar tahfiz melalui penggabungan antara ilmu akademik dan pembangunan sahsiah. Akademi ini menyediakan program khas Fast-Track SPM yang dirancang secara sistematik untuk membolehkan para huffaz menduduki peperiksaan SPM dalam tempoh yang lebih singkat. Pendekatan ini memberi ruang kepada pelajar tahfiz untuk meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi tanpa mengetepikan tanggungjawab utama mereka terhadap hafazan al-Quran (Aitaf. Y, 2025).

AITAF menekankan keseimbangan antara pencapaian akademik dan kekuatan hafazan. Oleh itu, pelaksanaan program ini memberi tumpuan kepada pengurusan masa yang efektif agar pelajar mampu mengekalkan hafazan mereka sambil mencapai kecemerlangan akademik. Melalui pendekatan integrasi ini, AITAF berperanan sebagai model institusi tahfiz moden yang menggabungkan nilai tradisional hafazan dengan keperluan semasa pendidikan arus perdana (Aitaf. Y, 2025).

Program Fast-Track SPM di Akademi Integrasi Tahfiz al-Falah (AITAF) diperkenalkan sebagai inisiatif untuk membantu pelajar tahfiz memperoleh sijil akademik dalam tempoh yang singkat tanpa menjejaskan komitmen terhadap hafazan al-Quran. Program ini dirancang khusus bagi lepasan institusi tahfiz yang telah menamatkan hafazan 30 juzuk tetapi belum memiliki kelayakan SPM untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Pelaksanaan program ini berbeza daripada sistem persekolahan biasa kerana ia menumpukan kepada pembelajaran intensif dalam tempoh masa terhad, biasanya setahun. Pelajar dibimbing melalui silibus akademik utama seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains dan Pendidikan Islam, di samping meneruskan rutin pengulangan hafazan yang menjadi asas utama pendidikan tahfiz.

Bagi memastikan keberkesanan proses pembelajaran, AITAF menekankan pendekatan seimbang antara hafazan dan akademik (Azri et al., 2023). Pelajar digalakkan mengurus masa dengan berdisiplin serta menyusun jadual harian yang merangkumi waktu mengulang hafazan, kelas akademik, dan aktiviti pembangunan diri (Daud & Musa, 2021). Pendekatan ini bukan sahaja melatih pelajar mengawal masa dengan baik, tetapi turut membentuk daya tahan, fokus, dan kematangan dalam menghadapi cabaran kehidupan selepas tamat pengajian (Fakhrudin et al., 2020).

Program Fast-Track SPM di AITAF terbukti memberi peluang kedua kepada para huffaz untuk melangkah ke peringkat pengajian tinggi dan bidang kerjaya yang lebih luas. Dalam masa yang sama, ia mengekalkan identiti pelajar sebagai penghafaz al-Quran yang berilmu, berakhlak, dan mampu menyumbang kepada masyarakat dengan lebih menyeluruh (Ramlan et al., 2025).

### 3.0 PERMASALAHAN KAJIAN

Pengurusan masa dalam mengulang hafazan al-Quran merupakan aspek penting bagi memastikan kesinambungan dan kualiti hafazan pelajar tahfiz (Kadir et al., 2021). Dalam konteks pelajar Fast-Track SPM di Akademi Integrasi Tahfiz al-Falah (AITAF), keperluan untuk mengimbangi antara hafazan dan akademik menjadi lebih mencabar berbanding pelajar tahfiz tradisional. Program ini menuntut pelajar menyelesaikan silibus akademik dalam tempoh singkat sambil mengekalkan prestasi hafazan yang konsisten (Ramlan et al., 2025).

Kajian-kajian lepas berkaitan strategi mengulang hafazan turut dibincangkan oleh Kadir et al. (2021) dalam artikel bertajuk Kaedah muraja'ah hafazan al-Quran yang diaplikasi oleh para pelajar Tahfiz MARSAH. Selain itu, kajian oleh Yaacob & Mohd Zain (2018) bertajuk Perkembangan tahfiz al-Quran: Suatu kajian di Darul Quran turut menyentuh aspek teknik hafazan dan murajaah. Kedua-dua kajian ini memberi tumpuan kepada pelajar tahfiz di institusi tradisional, namun kajian ini memfokuskan kepada pelajar pelbagai latar belakang seperti yang telah bekerja, berkahwin dan menyambung pengajian (Daud & Musa, 2021).

Pemerhatian awal menunjukkan bahawa pelajar lepasan AITAF yang mengikuti program Fast-Track SPM datang daripada latar belakang berbeza. Ada

yang telah bekerja, berkahwin, malah ada yang menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi. Kepelbagaian latar belakang ini membawa kepada perbezaan cara mereka mengurus masa, khususnya dalam aktiviti mengulang hafazan al-Quran (Fakhruddin et al., 2020). Sesetengah pelajar mungkin menghadapi kekangan masa kerana tanggungjawab kerja atau keluarga, manakala yang lain berdepan tekanan menyesuaikan diri dengan jadual akademik dan hafazan yang padat (Hussin et al., 2021).

Situasi ini menimbulkan persoalan tentang sejauh mana strategi pengurusan masa yang digunakan oleh pelajar-pelajar ini membantu mereka mengekalkan hafazan secara berkesan. Adakah mereka mempunyai pendekatan tersusun dalam mengulang hafazan, atau sekadar bergantung pada peluang masa lapang yang ada? Kekurangan panduan dan kajian terperinci dalam konteks pelajar Fast-Track SPM menjadikan isu ini penting untuk diteliti. Kajian ini diharap dapat mengenal pasti cabaran sebenar yang dihadapi serta strategi pengurusan masa yang dapat menyokong kelestarian hafazan al-Quran dalam kalangan pelajar berjadual padat seperti mereka (Ali Hasan et al., 2017).

#### 4.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini meneliti strategi pengurusan masa yang diamalkan oleh pelajar Fast-Track SPM di AITAF dalam mengulang hafazan al-Quran. Penelitian ini diharap dapat memberi gambaran tentang pendekatan berkesan yang boleh dijadikan panduan bagi pelajar tahfiz lain yang mengikuti program integrasi seumpamanya.

#### 5.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan pendekatan kajian kes. Pendekatan ini dipilih bagi memahami secara mendalam pengalaman pelajar dalam mengurus masa untuk mengulang hafazan al-Quran. Fokus utama kajian ialah strategi pengurusan masa dalam kalangan pelajar Fast-Track SPM di Akademi Integrasi Tahfiz al-Falah (AITAF). Kajian kes sesuai digunakan kerana ia membolehkan penyelidik meneliti fenomena ini secara mendalam dalam konteks sebenar kehidupan pelajar tahfiz (Ali Hasan et al., 2017).

Kaedah utama pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini ialah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Gabungan ketiga-tiga kaedah ini membantu penyelidik memperoleh data yang lebih menyeluruh dan meningkatkan ketepatan dapatan kajian (Nurfajriani et al., 2024).

Temu bual separa berstruktur dijalankan terhadap lima orang pelajar lelaki lepasan AITAF yang telah menamatkan hafazan 30 juzuk al-Quran serta memiliki sijil syahadah. Pemilihan peserta dilakukan secara bertujuan (purposive sampling) bagi memastikan data yang diperoleh benar-benar relevan dengan objektif kajian. Peserta terdiri daripada individu yang mempunyai latar belakang berbeza, termasuk mereka yang telah berkahwin, bekerja, dan menyambung pengajian. Kepelbagaian ini membolehkan penyelidik mengenal pasti perbezaan strategi dan cabaran dalam mengurus masa untuk mengulang hafazan (Fakhruddin et al., 2020).

Sesi temu bual dirakam menggunakan perakam audio bagi memastikan ketepatan maklumat. Rakaman tersebut kemudiannya ditranskripsi secara verbatim agar maksud dan konteks asal setiap jawapan dapat dikekalkan. Transkrip temu bual dianalisis untuk mengenal pasti pola, tema dan subtema berkaitan strategi pengurusan masa. Setiap tema dikategorikan mengikut persamaan dan perbezaan

yang muncul daripada data. Proses ini membantu penyelidik memahami bagaimana pelajar menyusun jadual hafazan, menyesuaikan dengan komitmen akademik dan peribadi, serta mengekalkan konsistensi dalam mengulang al-Quran (Hussin et al., 2021).

Analisis data dijalankan menggunakan kaedah analisis tematik. Analisis data yang telah siap ditemakan telah mendapat pengesahan pakar bagi menentukan tema yang sesuai dengan kajian (Ramlan et al., 2025).

## 6.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Bahagian ini menghuraikan dapatan kajian berdasarkan data yang diperoleh melalui temu bual bersama peserta kajian di Akademi Integrasi Tahfiz Al-Falah (AITAF). Dapatan dianalisis secara tematik bagi mengenal pasti faktor yang mempengaruhi strategi pengurusan masa muraja'ah hafazan al-Quran dalam kalangan pelajar fast-track SPM. Setiap tema dihuraikan berdasarkan pandangan peserta kajian dan disokong dengan petikan temu bual yang berkaitan. Perbincangan turut menghubungkan dapatan kajian dengan sorotan kajian terdahulu bagi menjelaskan persamaan, perbezaan serta sumbangan dapatan terhadap bidang pendidikan tahfiz.

### 6.1 AITAF Sebagai Pilihan Terbaik

Hasil temubual menunjukkan bahawa AITAF menjadi pilihan utama dalam kalangan pelajar tahfiz yang berhasrat menduduki peperiksaan SPM. Keputusan ini didorong oleh hasrat mereka yang berimpian untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi sambil mengekalkan kesinambungan ilmu dalam bidang pengajian tahfiz al-Quran. AITAF menawarkan persekitaran pembelajaran yang seimbang antara akademik dan hafazan menjadikan AITAF institusi yang sesuai bagi pelajar tahfiz yang ingin mencapai kecemerlangan dalam kedua-dua bidang tersebut.

R1: Saya pilih AITAF sebab tempat ini beri peluang yang baik untuk pelajar tahfiz masa saya untuk sambung akademik dan tak tinggal hafazan. AITAF ni salah satu platform yang bagi laluan untuk golongan macam saya untuk sambung belajar tapi masih perlu ulang hafazan. Ye lah sebab sampai bila-bila pun saya pegang status tahfiz (Peserta 1, personal communication, Januari 15, 2025).

R2: Di AITAF, ada tawarkan SPM secara fast-track selama 1 tahun. Lagi satu, suasana lah sebab kita bukan fokus belajar SPM sahaja, tapi ada juga suasana dalam tahfiz jugak. Maksudnya kita boleh bahagikan kedua-dua masa untuk belajar akademik dan mengulang hafazan (Peserta 2, personal communication, Januari 15, 2025).

R3: Tak banyak tempat yang sediakan Fast Track SPM untuk pelajar lepasan Tahfiz pada masa itu. Saya Nampak AITAF ini adalah platform yang terbaik untuk saya belajar akademik untuk SPM disamping dapat mengulang hafazan. Pagi boleh mengulang hafazan dan disambung dengan kelas, sewaktu petang pun dengan kelas-kelas akademik. So, bagi saya AITAF ini adalah platform yang menyediakan pembelajaran yang seimbang untuk pelajar tahfiz (Peserta 3, personal communication, Januari 15, 2025).

Ketiga-tiga peserta yang ditemubual bersetuju mengatakan AITAF adalah pilihan terbaik dan tepat bagi mereka yang ingin mengambil SPM dalam masa yang sama masih mengulang hafazan al-Quran (Azri et al., 2023). Oleh yang demikian, mereka tidak ketinggalan mengikuti pembelajaran arus perdana dan sekali gus

dapat mengangkat martabat penghafaz al-Quran (Ismail et al., 2017). Dapatan ini menunjukkan bahawa integrasi antara pendidikan tahfiz dan akademik merupakan faktor utama yang mempengaruhi pemilihan institusi oleh pelajar lepasan tahfiz (Fakhrudin et al., 2020).

Program SPM Fast-Track yang ditawarkan AITAF bukan sekadar menyediakan laluan untuk memperoleh kelayakan akademik, malah memberi peluang kepada pelajar mengekalkan hafazan al-Quran (Hussin et al., 2021). Keadaan ini mencerminkan bahawa model pendidikan bersepadu mampu memenuhi aspirasi pelajar yang ingin mencapai kecemerlangan akademik tanpa mengorbankan komitmen terhadap al-Quran (Kadir et al., 2021). Secara tidak langsung, model yang diamalkan di AITAF berpotensi melahirkan huffaz yang mempunyai keseimbangan dari aspek ilmu naqli dan aqli, sekaligus menyumbang kepada pembentukan modal insan yang berkualiti serta meningkatkan martabat penghafaz al-Quran dalam masyarakat (Ramlan et al., 2025).

## 6.2 Cabaran Dalam Pengurusan Masa Mengulang Hafazan Al-Quran

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar fast-track SPM di AITAF berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam menguruskan masa untuk mengulang hafazan al-Quran. Walaupun mereka menyedari kepentingan murajaah hafazan al-Quran bagi mengekalkan kualiti hafazan, pelaksanaan amalan tersebut sering dipengaruhi oleh kekangan yang timbul daripada tuntutan akademik, jadual harian yang padat dan komitmen lain. Analisis temu bual mendapati cabaran yang dihadapi bukan sahaja memberi kesan kepada kekerapan murajaah hafazan al-Quran, malah turut mempengaruhi kualiti hafazan pelajar. Berdasarkan analisis data, beberapa tema utama telah dikenal pasti, antaranya ialah kekangan masa, keletihan fizikal dan mental, serta kesukaran mengekalkan disiplin dalam pengurusan masa.

### 1. Kekangan Masa

Antara cabaran utama dalam pengurusan masa mengulang hafazan al-Quran ialah kesukaran membahagikan masa antara jadual kuliah yang padat, tugas akademik dan aktiviti luar bilik darjah. Tekanan akademik yang tinggi sering menyebabkan masa untuk mengulang hafazan menjadi terhad (Daud & Musa, 2021). Pelajar perlu menyeimbangkan antara tuntutan akademik dan keperluan rohani agar tidak terabai tanggungjawab memelihara hafazan yang telah dikuasai (Fakhrudin et al., 2020).

Kesibukan dalam kehidupan seharian turut menambah cabaran. Tanggungjawab kerja, pelajaran, urusan keluarga dan komitmen sosial menyukarkan pelajar menyediakan waktu tetap bagi membaca serta mengulang al-Quran secara konsisten (Hussin et al., 2021). Situasi ini menjadikan amalan mengulang hafazan tidak teratur dan kurang disiplin, berbeza dengan suasana semasa di institusi tahfiz dahulu, di mana jadual harian mereka tertumpu sepenuhnya kepada hafazan dari pagi hingga malam (Ramlan et al., 2025).

R1: Cabaran paling besar bagi saya pertama sekali dari segi masa. Kadang-kadang bila sibuk dengan kelas, aktiviti atau urusan harian, susah nak cari masa betul-betul sesuai untuk ulang hafazan.

Bagi responden kedua dan ketiga yang telah memasuki alam pekerjaan, kekangan masa dikenal pasti sebagai cabaran paling dominan dalam pengurusan masa mengulang hafazan al-Quran. Berbeza dengan responden yang masih berada dalam persekitaran pembelajaran sepenuh masa, kedua-dua responden perlu mengimbangi tuntutan kerjaya dengan komitmen peribadi (Daud & Musa, 2021).

Responden kedua yang telah berkeluarga berhadapan cabaran yang lebih besar apabila perlu memikul tanggungjawab sebagai suami dan bapa di samping memenuhi tuntutan pekerjaan. Komitmen terhadap kerjaya dan keluarga menyebabkan masa yang dapat diperuntukkan untuk murajaah hafazan al-Quran menjadi semakin terhad (Fakhrudin et al., 2020). Keadaan ini selaras dengan dapatan kajian Hussin et al. (2021) yang menjelaskan bahawa tanggungjawab pekerjaan dan keluarga merupakan antara faktor yang mengurangkan konsistensi individu dalam mengulang hafazan al-Quran (Ramlan et al., 2025).

R2: Cabaran yang paling utama masa. Maksudnya memang kita dah tak free macam kita duduk tahfiz kan, pagi sampai petang kita ada masa yang Panjang untuk ulang hafazan, lagi-lagi saya dah berkahwin, komitmen bertambah. (Peserta 2, personal communication, Januari 15, 2025).

R3: Cabaran utama sudah semestinya kekangan masa lah kan. Sebab apabila kita berada di luar, kita habis sekolah waktu kita dengan al-Quran tak sama kita di Tahfiz dulu kan. Kalau di Tahfiz dulu, kita hampir 24 jam dengan al-Quran. Tapi bila dah keluar machad n ikan, kita ada urusan lain, urusan keluarga kan, urusan kerja. Jadi bagi saya cabaran paling besar adalah kekangan masa. (Peserta 3, personal communication, Januari 15, 2025).

Kedua-dua responden berpendapat bahawa perubahan rutin kehidupan selepas tamat pengajian tahfiz memberi kesan yang besar terhadap amalan murajaah hafazan al-Quran. Semasa berada di institusi tahfiz, jadual harian lebih tertumpu kepada aktiviti menghafaz dan murajaah hafazan. Namun, selepas memasuki alam pekerjaan, mereka perlu membahagikan masa kepada pelbagai tanggungjawab lain sehingga masa yang diperuntukkan untuk murajaah hafazan al-Quran menjadi semakin singkat.

Dapatan ini menunjukkan bahawa peralihan daripada persekitaran tahfiz kepada alam pekerjaan memerlukan pengurusan masa yang efektif bagi untuk membahagikan masa untuk murajaah hafazan al-Quran dengan tanggungjawab lain. Individu yang telah bekerja perlu mempunyai disiplin yang tinggi dan perancangan masa yang sistematik bagi mengekalkan hafazan al-Quran secara berterusan. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa kejayaan mengekalkan hafazan selepas tamat pengajian bukan hanya bergantung pada jumlah masa yang dimiliki, malah dipengaruhi oleh keupayaan individu menetapkan keutamaan, mengurus jadual harian secara berkesan serta mengekalkan iltizam terhadap al-Quran dalam setiap fasa kehidupan.

## **2. Komitmen Kerja dan Tanggungjawab Lain**

Komitmen kerja dan tanggungjawab terhadap keluarga menjadi antara cabaran utama yang dihadapi oleh pelajar tahfiz yang sudah bekerja (Daud & Musa, 2021). Kesibukan memenuhi tuntutan kerjaya serta urusan peribadi sering menyebabkan masa untuk mengulang hafazan al-Quran semakin berkurang (Fakhrudin et al., 2020). Faktor keletihan selepas pulang kerja, khususnya apabila pulang lewat malam, menjadikan mereka sukar memberi tumpuan untuk membaca atau menghafaz al-Quran walaupun hati sentiasa merindui untuk kembali kepada al-Quran (Hussin et al., 2021). Dapatan temu bual menunjukkan bahawa setiap peserta berhadapan dengan bentuk komitmen yang berbeza, namun semuanya memberi kesan terhadap amalan murajaah hafazan al-Quran (Ramlan et al., 2025).

R1: "Saya pernah jaga datuk di kampung selama enam bulan sebab beliau kurang sihat. Masa tu memang penuh dengan tanggungjawab, saya kena

pantau dan uruskan datuk hampir sepanjang masa, sampai tiada masa langsung nak ulang hafazan al-Quran. Selama enam bulan tu hafazan saya terabai." (Peserta 1, personal communication, Januari 15, 2025).

Sementara itu, dua lagi responden menyatakan bahawa tuntutan kerja dan keluarga menjadi punca utama masa mengulang hafazan semakin terhad:

R2: "Komitmen harian tu lah macam sekarang ni kan tengah kerja, kadang-kadang kerja pagi balik sampai malam, kadang-kadang balik tu pun dah lepas waktu isyak dah kan. Balik-balik tu pun orang nak rehat je lah, selalunya macam tu lah sekarang ni." (Peserta 2, personal communication, Januari 15, 2025).

R3: "Bila dekat luar ni, kita ada urusan lain, urusan keluarga, urusan kerja... dan tambah lagi kerja pula makin banyak. Bila dah ada komitmen sana-sini, sampai tak ada masa nak buka al-Quran." (Peserta 2, personal communication, Januari 15, 2025).

Berdasarkan hasil temubual tersebut, ketiga-tiga peserta bersetuju bahawa tanggungjawab kehidupan selepas tamat pengajian tahfiz memberi impak yang besar terhadap konsistensi murajaah hafazan al-Quran. Keadaan ini menunjukkan bahawa cabaran mengekalkan hafazan bukan sekadar berpunca daripada kekurangan masa, malah dipengaruhi oleh perubahan keutamaan hidup yang memerlukan perhatian terhadap pelbagai tanggungjawab.

Dapatan ini menunjukkan bahawa komitmen kerja dan tanggungjawab keluarga merupakan cabaran yang signifikan dalam usaha mengekalkan hafazan al-Quran selepas meninggalkan institusi tahfiz. Walaupun mempunyai kesedaran yang tinggi tentang kepentingan murajaah hafazan al-Quran, tuntutan kehidupan harian sering membataskan pelaksanaannya secara konsisten. Oleh itu, kemahiran mengurus masa, disiplin diri serta keupayaan menetapkan keutamaan menjadi faktor yang sangat penting bagi membolehkan hafazan terus dipelihara.

### **3. Suasana / Persekitaran**

Persekitaran mempunyai pengaruh besar terhadap keberkesanan seseorang dalam mengulang hafazan al-Quran (Kadir et al., 2021). Suasana yang tidak kondusif seperti kawasan bising, gangguan bunyi, atau kekurangan ruang yang tenang sering menjadi cabaran untuk kekal fokus. Dalam keadaan begini, tumpuan mudah terganggu dan proses mengulang menjadi kurang berkesan (Fakhrudin et al., 2020). Kebanyakan para huffaz lebih selesa berada di tempat yang tenang dan teratur ketika mengulang hafazan. Suasana yang damai memberi ketenangan jiwa serta membantu mereka menumpukan perhatian sepenuhnya kepada ayat-ayat yang dihafaz (Hussin et al., 2021; Syed Aziz S.N., 2025).

Lokasi seperti perpustakaan, bilik khas di rumah atau surau sering menjadi pilihan kerana suasananya yang mendamaikan dan memberi ruang untuk berinteraksi dengan al-Quran tanpa gangguan luar (Shokri & Salihan, 2023). Persekitaran yang sesuai bukan sahaja menguatkan hafazan, tetapi juga menjadikan proses mengulang lebih menyenangkan dan mendalam (Ramlan et al., 2025).

R1: "Tapi yang paling mencabar bagi saya adalah suasana dan tempat. Kalau tempat tu tak sesuai, bising atau tak tenang, saya memang susah nak fokus." (Peserta 1, personal communication, Januari 15, 2025).

#### **4. Pengaruh rakan**

Pemilihan rakan memainkan peranan besar dalam membentuk disiplin dan semangat seseorang untuk terus konsisten dalam mengulang hafazan al-Quran. Rakan yang berdisiplin dan komited terhadap hafazan mampu memberi dorongan positif melalui motivasi, sokongan moral serta menjadi contoh yang baik. Mereka juga boleh saling mengingatkan dan menyemak hafazan antara satu sama lain, menjadikan proses pengulangan lebih teratur dan berkesan (Ali Hasan et al., 2017; Hussin et al., 2021).

Pemilihan rakan yang tepat amat penting agar suasana pergaulan dapat membantu mengekalkan hubungan yang rapat dengan al-Quran (Fakhrudin et al., 2020; Shokri & Salihan, 2023). Sebaliknya, rakan yang tidak menitikberatkan hafazan boleh menyebabkan seseorang hilang fokus dan semangat terhadap hafazan (Kadir et al., 2021). Hal ini digambarkan oleh salah seorang responden:

R3: "Dulu saya pernah tinggalkan al-Quran hampir setahun. Entah macam mana, tiba-tiba jadi sibuk berkawan, terpengaruh dengan aktiviti yang kurang bermanfaat." (Peserta 3, personal communication, Januari 15, 2025).

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pengaruh rakan mempunyai hubungan yang signifikan dengan konsistensi murajaah hafazan al-Quran dalam kalangan para huffaz. Persekitaran sosial yang positif mampu meningkatkan motivasi dan istiqamah dalam mengulang hafazan, manakala pergaulan yang kurang sihat boleh mengurangkan komitmen terhadap al-Quran. Oleh itu, institusi tahfiz dan badan alumni boleh menggalakkan pembentukan kumpulan murajaah hafazan al-Quran atau komuniti sokongan huffaz bagi mengekalkan budaya saling mengingatkan serta mengukuhkan hubungan dengan al-Quran walaupun selepas tamat pengajian.

### **6.3 Strategi Mengurus Masa Mengulang Hafazan Al-Quran**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa peserta mengamalkan pelbagai strategi bagi mengekalkan konsistensi dalam murajaah hafazan al-Quran walaupun berhadapan dengan kekangan masa dan komitmen harian. Strategi yang diamalkan bukan sahaja membantu mereka memperuntukkan masa khusus untuk murajaah hafazan al-Quran, malah meningkatkan disiplin, komitmen dan istiqamah dalam memelihara hafazan. Analisis temu bual mendapati bahawa pengurusan masa yang sistematik menjadi faktor penting dalam membantu peserta mengimbangi tuntutan akademik, pekerjaan dan tanggungjawab keluarga tanpa mengabaikan amalan mengulang hafazan al-Quran.

#### **1. Membuat Jadual mengulang hafazan al-Quran**

Membuat jadual khas untuk mengulang hafazan al-Quran merupakan langkah penting dalam memastikan amalan mengulang hafazan dilakukan secara konsisten (Ismail et al., 2017). Jadual yang terancang membantu para penghafaz memperuntukkan masa tertentu setiap hari untuk mengulang ayat-ayat yang telah dihafaz tanpa mengganggu urusan lain (Fakhrudin et al., 2020). Dengan adanya jadual tetap, proses mengulang dapat dijalankan dengan lebih teratur dan berfokus, bukan bergantung kepada kelapangan masa atau keinginan semata-mata (Hussin et al., 2021).

Jadual yang baik perlu mengambil kira kesesuaian waktu, tahap tumpuan, dan kemampuan individu. Waktu awal pagi atau selepas solat sering menjadi pilihan kerana suasananya lebih tenang dan membantu memberi tumpuan sepenuhnya kepada hafazan (Daud & Musa, 2021). Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan

keberkesanan hafazan, tetapi juga membantu membentuk disiplin diri dalam menjaga hubungan berterusan dengan al-Quran (Ramlan et al., 2025).

R2: Saya buat jadual dalam seminggu atau sebulan berapa banyak yang saya kena ulang. Tapi yang penting sebenarnya nak hidupkan suasana tu lah kan. (Peserta 2, personal communication, Januari 15, 2025).

Responden kedua adalah seorang individu yang bekerja dengan waktu yang tidak menentu dan sudah berumah tangga. Bagi beliau, membuat jadual secara mingguan adalah lebih praktikal, memandangkan beliau perlu menyesuaikan diri dengan rutin harian yang berubah-ubah. Jadual hafazan mingguan memberi fleksibiliti kepada beliau untuk mengatur waktu menghafaz al-Quran mengikut keperluan masa. Beliau merancang untuk menghafaz sekurang-kurangnya satu atau dua ayat setiap hari. Pada hari-hari tertentu yang lebih lapang, beliau berusaha untuk meningkatkan jumlahayat yang dihafaz.

Contohnya, pada hari Isnin hingga Rabu, beliau akan menumpukan masa selama 30 minit hingga satu jam untuk menghafaz ayat-ayat baru, manakala pada hari Khamis dan Ahad, beliau lebih memberi fokus kepada ulangkaji ayat-ayat yang telahdihafaz sebelum ini. Dengan adanya jadual seperti ini, beliau dapat menyesuaikan aktiviti hafazan dengan keadaan kehidupannya yang sibuk dan tidak menentu.

R3: "Saya suka buat tema untuk setiap bulan. Contohnya, bulan Januari saya tetapkan untuk hafal juzuk 3, bulan Februari untuk juzuk 4, dan seterusnya. Bila kita ada tema, lebih mudah nak fokus dan tak rasa macam blur. Selain tu, saya cuba target nak hafal setengah muka atau satu muka setiap hari. Kalau rasa busy sangat pun, setengah muka pun dah cukup, yang penting konsisten." (Peserta 3, personal communication, Januari 15, 2025).

## **2. Menetapkan Tema dan Sasaran Hafazan**

Menetapkan tema atau sasaran hafazan bagi tempoh tertentu merupakan strategi yang membantu penghafaz kekal fokus dan terarah (Azri et al., 2023). Dengan adanya tema bulanan atau mingguan, proses mengulang hafazan menjadi lebih tersusun dan terancang. Pendekatan ini membantu mengelakkan rasa hilang arah atau kekeliruan tentang bahagian mana yang perlu diulang terlebih dahulu (Ali Hasan et al., 2017).

Selain itu, meletakkan sasaran harian seperti mengulang setengah muka atau satu muka sehari membantu mengekalkan disiplin dan konsistensi. Walaupun jumlahnya kecil, pengulangan yang berterusan lebih berkesan berbanding usaha besar yang dilakukan sekali-sekala (Hussin et al., 2021; Fakhrudin et al., 2020).

R3: "Saya suka buat tema untuk setiap bulan. Contohnya, bulan Januari saya tetapkan untuk hafal juzuk 3, bulan Februari untuk juzuk 4, dan seterusnya. Bila kita ada tema, lebih mudah nak fokus dan tak rasa macam blur. Selain tu, saya cuba target nak hafal setengah muka atau satu muka setiap hari. Kalau rasa busy sangat pun, setengah muka pun dah cukup, yang penting konsisten." (Peserta 3, personal communication, Januari 15, 2025).

Pendekatan ini menunjukkan bahawa perancangan yang jelas dan sasaran yang realistik dapat membantu seseorang penghafaz mengekalkan kesinambungan hafazan dengan lebih berkesan.

### 3. Memilih Waktu yang Sesuai

Pemilihan waktu yang sesuai memainkan peranan penting dalam memastikan proses mengulang hafazan al-Quran berjalan dengan berkesan (Azri et al., 2023). Waktu yang tepat membantu seseorang penghafaz memberi tumpuan sepenuhnya terhadap ayat yang dihafaz, sekali gus memastikan hafazan kekal kukuh dalam ingatan dan tidak mudah dilupakan (Ali Hasan et al., 2017; Hussin et al., 2021).

Hasil temubual bersama ketiga-tiga responden menunjukkan kesepakatan bahawa waktu selepas solat Subuh ialah masa paling sesuai untuk mengulang hafazan al-Quran. Waktu ini dianggap lapang, tenang dan bebas daripada gangguan. Keadaan minda yang segar selepas bangun tidur menjadikan otak lebih mudah menerima dan mengingat ayat-ayat al-Quran (Fakhrudin et al., 2020). Beberapa responden turut menambah bahawa waktu selepas solat Maghrib juga sesuai, terutama bagi mereka yang sibuk pada siang hari (Daud & Musa, 2021).

R1: "Pagi lepas Subuh, saya selalu ulang minimum satu juzuk. Waktu tu, otak masih segar dan senang nak fokus. Lepas tu, siang hari saya bagi tumpuan untuk pelajaran akademik, attend kelas, dan siapkan kerja sekolah. Bila malam datang, saya buat sedikit hafazan dan lepas tu fokus pada latihan akademik. Saya biasanya bahagi masa tu dengan baik, contohnya, 30 minit hafazan lepas tu 30 minit untuk akademik. Dengan cara ni, saya dapat pastikan hafazan saya sentiasa terjaga, dan pada masa yang sama, pelajaran pun tak tertinggal. Jadi, walaupun sibuk, saya rasa dapat seimbangkan dua-dua dengan baik." (Peserta 1, personal communication, Januari 15, 2025).

Daripada hasil temubual ini jelas menunjukkkan bahawa pemilihan masa yang sesuai bukan sekadar berkaitan waktu lapang, tetapi melibatkan kesedaran diri untuk menyusun rutin harian secara seimbang agar hafazan dan tanggungjawab lain dapat berjalan seiring.

Responden kedua menyatakan bahawa waktu selepas solat Maghrib merupakan masa yang paling sesuai untuk mengulang hafazan al-Quran. Waktu ini memberi ruang untuk menenangkan diri selepas seharian bekerja dan membolehkan beliau memberi tumpuan sepenuhnya terhadap hafazan tanpa tergesa-gesa. Suasana malam yang tenang membantu meningkatkan fokus dan ketenangan jiwa semasa berinteraksi dengan al-Quran (Fakhrudin et al., 2020; Hussin et al., 2021).

Selain itu, beliau turut mencadangkan agar hari minggu digunakan sepenuhnya untuk mengulang al-Quran. Hari cuti dianggap waktu terbaik kerana bebas daripada tekanan kerja dan urusan rutin. Dengan perancangan yang baik, beliau dapat menyeimbangkan antara masa untuk al-Quran dan masa bersama keluarga (Ali Hasan et al., 2017; Kadir et al., 2021).

R2: "Pagi pembukaan kan, pagi-pagi tu lepas solat Subuh tu kita ngaji ulang lah sejam sebelum sarapan pagi, and then lepas tu, kita belajarlah macam biasa perlukan jadual la sampai petang, dan waktu Maghrib sampai waktu Isya' tu, boleh lagi untuk mengulang." "Tapi kebiasaannya pagi dengan malam ni waktu yang sesuai lah terutamanya pagi sebelum suhu-subuh tu." "free kan hari Sabtu atau Ahad kan so kadang-kadang kita perlukan masa yang sehari kita dengan al-quran macam tu lah. Kalau Isnin hingga Jemaat tu kita fokus kerjakan. Kadang-kadang Sabtu Ahad tu, Sabtu hari kita dengan Quran sahaja, Ahad tu kita buat hari dengan family macam mana." (Peserta 2, personal communication, Januari 15, 2025).

Responden ketiga turut berkongsi pandangan yang seiring dengan dua responden sebelumnya. Beliau menegaskan bahawa waktu selepas solat Maghrib ialah masa yang sangat sesuai untuk mengulang hafazan al-Quran kerana

suasannya yang tenang dan tidak terganggu. Sama ada berada di rumah atau di masjid, waktu ini memberi peluang untuk fokus sepenuhnya kepada hafazan. Waktu selepas Maghrib amat ideal kerana ia berada pada fasa peralihan antara siang dan malam, tubuh dan minda telah berehat sedikit, namun belum terlalu letih. Keadaan ini membantu meningkatkan tumpuan dan kesediaan diri untuk mengulang hafazan dengan lebih berkesan.

R3: "Kita mesti cari waktu lapang. Cadangan saya, kalau sibuk macam mana pun, selepas Subuh ataupun selepas Maghrib mesti ada masa. Sebab bagi pendapat saya, macam mana sibuk pun, antara lepas Subuh atau Maghrib mesti ada ruang. Sekarang ini senang, dalam telefon pun ada al-Quran, kita boleh baca atau ulang. Paling kurang, buka surah pun okay, yang penting ada masa. Pada waktu lapang kita kena buat, dan pada waktu fleksibel pun kita kena buat. Biasanya, dari Isnin hingga Jumaat, selepas Maghrib lah waktu saya luangkan masa untuk hafazan." (Peserta 3, personal communication, Januari 15, 2025).

Secara keseluruhannya, ketiga-tiga responden bersetuju bahawa pemilihan waktu yang sesuai amat penting untuk memastikan hafazan kekal segar dalam ingatan. Waktu selepas solat Subuh dianggap masa paling ideal kerana suasana yang tenang dan minda yang masih segar selepas tidur. Waktu selepas solat Maghrib pula menjadi pilihan kedua kerana keadaan yang lapang dan damai, sama ada di rumah mahupun di masjid. Kedua-dua waktu ini memberi peluang kepada penghafaz untuk mengulang hafazan dengan tumpuan penuh tanpa gangguan, seterusnya membantu mengekalkan kualiti hafazan dalam jangka panjang.

#### **4. Sokongan Moral dalam Proses Hafazan al-Quran**

Sokongan moral memainkan peranan besar dalam membantu seseorang mengekalkan semangat dan disiplin dalam menghafaz al-Quran. Ia merangkumi galakan, dorongan, dan perhatian daripada individu terdekat seperti ibu bapa, ahli keluarga, serta rakan seperjuangan (Ali Hasan et al., 2017; Hussin et al., 2021). Bentuk sokongan ini tidak hanya datang melalui kata-kata semangat, tetapi juga melalui tindakan, seperti menemani ketika mengulang hafazan, mewujudkan suasana yang tenang, dan memahami keperluan seseorang yang sedang berusaha mengekalkan hafazan (Fakhrudin et al., 2020; Kadir et al., 2021). Apabila sokongan moral diberikan dengan konsisten, ia dapat menjadi sumber kekuatan dalaman bagi penghafaz untuk terus berusaha walaupun menghadapi cabaran (Ramlan et al., 2025).

Responden pertama menegaskan bahawa ibu bapa ialah sumber utama dorongan dalam perjalanan hafazannya. Mereka sering memberikan kata-kata semangat dan mengingatkan tentang keutamaan menjaga hafazan (Ali Hasan et al., 2017; Hussin et al., 2021). Keluarga pula berperanan dengan menyediakan suasana yang sesuai dan memberi ruang bagi beliau menumpukan perhatian kepada hafazan (Fakhrudin et al., 2020). Selain keluarga, rakan-rakan seperjuangan turut menjadi pendorong utama. Mereka saling membantu dan mengulang hafazan bersama, berkongsi pengalaman serta strategi hafazan (Kadir et al., 2021). Hubungan sokongan ini membentuk suasana positif yang mendorong responden pertama untuk terus berdisiplin dan konsisten (Ramlan et al., 2025).

R1: "Saya sangat bersyukur sebab Ibu bapa saya selalu bagi sokongan. Mereka sentiasa dorong saya untuk terus berusaha dan jaga hafazan. Tak lupa juga keluarga saya yang lain. Mereka sentiasa ada untuk bantu dan beri semangat bila saya rasa susah. Rakan-rakan seperjuangan pun sangat penting. Kami saling bantu dan motivasi antara satu sama lain. Bila lihat mereka berusaha, saya pun

jadi terinspirasi untuk kekal fokus dalam hafazan." (Peserta 3, personal communication, Januari 15, 2025).

Bagi responden kedua, ibu bapa merupakan sumber kekuatan terbesar dalam perjalanan hafazan. Mereka berimpian agar anak menjadi seorang hafiz al-Quran, dan impian itu menjadi motivasi utama bagi responden (Ali Hasan et al., 2017; Hussin et al., 2021). Ibu bapa bukan sekadar memberikan semangat, tetapi turut membantu dari aspek masa dan ruang agar beliau dapat menumpukan perhatian kepada hafazan (Fakhruddin et al., 2020). Kepercayaan ibu bapa terhadap nilai dan keberkatan al-Quran menjadikan sokongan mereka sangat bermakna (Kadir et al., 2021). Setiap kali rasa letih atau kurang bersemangat, dorongan ibu bapa menjadi penggerak untuk terus berusaha mencapai matlamat hafazan (Ramlan et al., 2025).

R2: "Sokongan moral ni selalunya dari keluarga lah, ibu bapa terutamanya sebab merekalah orang yang pertama yang berimpian sebelum kita masuk ke tahfiz lagi untuk kita hafal al-Quran. Mereka selalu bagi semangat dan dorongan kepada kita." (Peserta 3, personal communication, Januari 15, 2025).

Responden ketiga pula menerima sokongan moral yang kuat daripada adik-beradik. Hubungan ini bersifat dua hala, mereka saling belajar, saling memberi semangat, dan sering mengulang hafazan bersama (Fakhruddin et al., 2020; Kadir et al., 2021). Walaupun pada awalnya beliau berasa malu kerana adik-adiknya lebih maju dalam hafazan, perasaan itu akhirnya berubah menjadi motivasi untuk memperbaiki diri (Ali Hasan et al., 2017). Apabila melihat adik-adiknya gigih dalam hafazan menjadikan beliau lebih berazam untuk mencontohi mereka (Hussin et al., 2021). Hubungan ini memperlihatkan bahawa dalam sesebuah keluarga, suasana saling menyokong mampu membentuk daya tahan dan semangat yang berterusan dalam menghafaz al-Quran (Ramlan et al., 2025).

R3: "Kalau saya, yang selalu beri sokongan ialah adik-beradik. Saya abang sulung dan adik-adik semua pelajar tahfiz. Kadang-kadang rasa malu sebab mereka lebih maju, tapi saya jadikan mereka sebagai inspirasi. Mereka selalu ingatkan dan beri semangat, sebab bagi mereka, abang sulung kena jadi contoh. Dari mereka, saya banyak belajar. Walaupun awalnya rasa malu, sekarang saya lebih terbuka dan yakin untuk teruskan hafazan dengan sokongan adik-adik." (Peserta 3, personal communication, Januari 15, 2025).

Ketiga-tiga responden menunjukkan bahawa sokongan moral daripada keluarga dan rakan-rakan amat berpengaruh dalam membentuk ketekunan dan kestabilan emosi penghafaz al-Quran. Ibu bapa menjadi sumber dorongan utama melalui kasih sayang, doa, dan perhatian yang berterusan (Ali Hasan et al., 2017; Hussin et al., 2021). Dalam masa yang sama, rakan seperjuangan serta adik-beradik turut memainkan peranan penting dengan mewujudkan suasana yang positif dan saling menyokong (Fakhruddin et al., 2020; Kadir et al., 2021). Sokongan yang berasaskan kasih, kefahaman, dan semangat inilah yang membantu para penghafaz bukan sahaja mengekalkan hafazan, tetapi juga menguatkan jiwa mereka dalam menempuh cabaran sepanjang proses menghafaz al-Quran (Ramlan et al., 2025).

## **5. Menjadi imam dan Membaca hafazan al-Quran dalam solat**

Membaca hafazan al-Quran dalam solat merupakan antara kaedah yang paling berkesan untuk mengekalkan ingatan terhadap ayat-ayat yang telah dihafaz. Solat menjadi ruang terbaik untuk seseorang mengulang hafazan secara semula jadi,

kerana setiap bacaan dilakukan dengan penuh tumpuan, tartil dan penghayatan (Kadir et al., 2021; Hussin et al., 2021). Selain itu, membaca ayat hafazan dalam solat membantu memastikan bacaan sentiasa segar, teratur dan menepati hukum tajwid (Fakhrudin et al., 2020; Daud & Musa, 2021). Kaedah ini sering diamalkan oleh para huffaz kerana ia menggabungkan dua bentuk ibadah iaitu solat dan hafazan. Setiap kali membaca surah hafazan dalam solat, seseorang bukan sahaja berinteraksi dengan ayat yang dihafaz, tetapi turut menilai ketepatan dan kelancaran bacaannya (Ramlan et al., 2025). Melalui pengulangan ini, ayat yang dibaca akan lebih kuat diingati, dan bahagian yang mudah terlupa dapat dikenal pasti untuk diperbaiki.

Bagi responden pertama, menjadi imam solat, khususnya pada bulan Ramadan ketika solat tarawih, merupakan peluang berharga untuk mengulang hafazan dalam suasana yang penuh khusyuk. Memimpin solat memberi dorongan untuk lebih berhati-hati terhadap bacaan dan makhraj huruf, di samping memastikan ayat dibaca dengan lancar.

R1: "Kalau diberi peluang untuk menjadi imam tarawih pada tahun itu, saya takkan lepaskan peluang itu. Jadi persekitaran juga amat penting dalam membantu konsisten." (Peserta 1, personal communication, Januari 15, 2025).

Responden ketiga turut berkongsi pandangan yang sama, dengan menyatakan bahawa menjadi imam merupakan kaedah yang sangat berkesan untuk mengukuhkan hafazan. Beliau sering mengambil peluang untuk memimpin solat di surau atau masjid, khususnya pada bulan Ramadan, sebagai latihan untuk menguji dan memperbaiki hafazan. Bagi beliau, pengalaman menjadi imam bukan sahaja membantu dalam memperkemas bacaan, tetapi juga memberi keyakinan diri apabila membaca al-Quran secara terbuka.

R3: "Cari peluang jadi imam kat surau atau masjid, especially bulan Ramadan untuk bacaan 30 juzuk. Bila jadi imam, kita bukan je uji hafazan, tapi juga mantapkan lagi hafazan tu. Jadi imam memang antara cara terbaik untuk kekalkan hafazan. Sebab setiap kali kita pimpin solat, kita akan sentiasa ulang dan perbaiki hafazan." (Peserta 3, personal communication, Januari 15, 2025).

Menjadi imam bukan sahaja membantu dalam mengukuhkan hafazan, tetapi juga memperbaiki kualiti bacaan al-Quran. Peranan ini menuntut seseorang membaca dengan sebutan yang betul, tajwid yang tepat, serta nada bacaan yang teratur. Latihan berterusan ini menjadikan hafazan lebih kuat dan tersusun (Fakhrudin et al., 2020; Hussin et al., 2021). Selain itu, menjadi imam turut membina sifat tanggungjawab dan amanah terhadap masyarakat. Seorang imam perlu menunjukkan teladan yang baik dalam membaca al-Quran, menjaga adab, serta mengekalkan disiplin dalam solat berjemaah (Ismail et al., 2017; Kadir et al., 2021). Perasaan tanggungjawab ini mendorong seseorang untuk terus menjaga hafazan agar tidak tersilap dalam bacaan, sekali gus menjadikan peranan imam sebagai satu latihan rohani dan akademik yang berterusan (Ramlan et al., 2025).

Secara keseluruhannya, menjadi imam dan membaca hafazan dalam solat bukan sekadar ibadah, tetapi juga satu bentuk latihan praktikal yang menggabungkan aspek hafazan, penghayatan, dan kepimpinan. Melalui pengalaman ini, penghafaz bukan sahaja mengekalkan hafazan, malah memperkukuhkan hubungan dengan al-Quran dalam kehidupan seharian.

## 7.0 KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa pengurusan masa yang berkesan memainkan peranan besar dalam membantu pelajar tahfiz mengekalkan hafazan al-Quran walaupun berdepan pelbagai komitmen akademik dan tanggungjawab peribadi. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa pelajar yang berjaya mengulang hafazan dengan konsisten ialah mereka yang mempunyai jadual teratur, memilih waktu yang sesuai seperti selepas Subuh atau Maghrib, serta mendapat sokongan moral daripada keluarga dan rakan seperjuangan.

Faktor persekitaran yang tenang, pengaruh rakan yang positif, serta amalan membaca hafazan dalam solat turut menjadi penyumbang kepada keberkesanan proses mengulang. Dalam masa yang sama, cabaran seperti kesibukan kerja, tanggungjawab keluarga, dan kekangan masa perlu diurus dengan bijak agar hafazan tidak terabai. Secara keseluruhannya, strategi pengurusan masa yang baik bukan sahaja membantu pelajar mengekalkan hafazan, tetapi juga membentuk disiplin diri, ketenangan jiwa dan hubungan yang lebih rapat dengan al-Quran. Kajian ini menegaskan bahawa dengan perancangan masa yang teratur, sokongan sekeliling yang kukuh dan semangat yang berterusan, amalan mengulang al-Quran dapat dipertahankan dalam apa jua keadaan.

## 8.0 KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan sama ada daripada sudut kewangan dan sebagainya dalam menjalankan penyelidikan ini

## 9.0 PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penulisan kajian ini.

## 10.0 SUMBANGAN PENULIS

Sharifah Noorhidayah sebagai penulis utama, fokus kepada Sorotan Literatur, metodologi kajian.

Lissailin Baharudin membantu menguruskan transkripsi responden dan menganalisis dapatan kajian.

Tariq Ziyad melakukan temubual kepada responden dan menganalisis dapatan kajian.

## 11.0 RUJUKAN

Akademi Integrasi Tahfiz Al-Falah. (n.d.). Laman rasmi AITAF. <https://aitaf.edu.my>

Ali Hasan, A. R., Mohd Patel, I. F., Abd Ghani, A. R., & Jemali, M. (2017). Faktor motivasi dalam amalan pembelajaran hafazan al-Quran. *Perspektif: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 9(3), 13–20. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PERS/article/view/176>

Azri, N. H. I., Mohd Azmi, N. F., & Syed Hassan, S. N. (2023). Penguasaan amalan murajaah al-Quran dalam kalangan pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM. *Jurnal Penyelidikan Islam dan Kontemporari (JOIRC)*, 6(11), 132–145. <https://doi.org/10.55573/JOIRC.061112>

- Che Mat, A. C. M., Wan Adnan, W. A. S., Awang, A., & Wan Jusoh, W. N. H. (2019). Tahap amalan kaedah hafazan al-Quran dalam kalangan pelajar Program Al-Quran IMTIAZ. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 5(2), 45–74.
- Daud, Z., & Musa, M. A. (2021). Cabaran dan kekangan dalam pengajian tahfiz separuh masa. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 5(1), 77–88. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol5no1.90>
- Fakhruddin, F. M., Che Ishak, S., Suhid, A., Mohd Ayub, A. F., Che Hassan, N., Abd Mutalib, L., & Wan Jaafar, W. M. (2020). Proses dan kaedah pembelajaran tahfiz dalam kalangan murid di Sekolah Menengah Agama Kerajaan di Malaysia. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 17(2), 311–340. <https://doi.org/10.32890/mjli2020.17.2.11>
- Hussin, H., Ahmad, A. R., & Saleh, M. H. (2021). Motivasi intrinsik: Isu dan cabaran dalam mengekalkan hafazan al-Quran dalam kalangan pelajar USIM. *QIRAAT: Jurnal Al-Quran dan Isu-Isu Kontemporari*, 4(2), 75–83. <https://doi.org/10.53840/jq.v4i2.28>
- Ismail, M. J., Mohamad, S., Tengku Puji, T. I. Z., & Yusof, N. H. (2017). Strategi kecemerlangan institusi pendidikan tahfiz al-Quran di Malaysia: Satu tinjauan literatur. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 15(1), 1–14.
- Jamaluddin, I. Z. (2018). Pengaruh kesediaan dalaman, strategi pembangunan dalaman, strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an terhadap pencapaian subjek Hifz al-Qur'an pelajar tahfiz di Malaysia (Tesis PhD, Universiti Utara Malaysia). <https://etd.uum.edu.my/6888/>.
- Kadir, M. N., Yauzi, M. Y., Mohamed Salleh, D. A. M., & Wan Ibrahim, W. M. H. (2021). Kaedah muraja'ah hafazan al-Quran yang diaplikasi oleh para pelajar Tahfiz MARSAH. *QIRAAT: Jurnal Al-Quran dan Isu-Isu Kontemporari*, 4(2), 41–50. <https://doi.org/10.53840/jq.v4i2.2>
- Mohamad Shokri, S. S., & Salihin, S. (2023). Modul pembangunan Program Huffaz Profesional Universiti Tenaga Nasional: Satu pemerhatian kepada konstruk pembangunan al-Quran. *Firdaus Journal*, 3(2), 12–23. <https://doi.org/10.37134/firdaus.vol3.2.2.2023>
- Mohd Nawawi, M. Z., Omar, M. R., & Mohd Nor, M. A. (2021). Sistem pendidikan tahfiz di Malaysia, pilihan ibu bapa dan warisan pendidikan Islam di Andalus: Satu sorotan. *Asian People Journal*, 4(1), 132–147. <https://doi.org/10.37231/apj.2021.4.1.241>
- Mohd Nazir Kadir, Muhammad Yaslam Yauzi, Dzakiah Al Miskiah Mohamed Salleh, & Wan Mohd Hazani Wan Ibrahim. (2021). Teknik pengurusan masa mengulang hafazan al-Quran dalam kalangan pelajar tahfiz MARSAH Johor. *QIRAAT: Jurnal Al-Quran dan Isu-Isu Kontemporari*, 4(2), 41–50. <https://doi.org/10.53840/jq.v4i2.2>
- Nurfajriani, W. V., Ilhami, M. W., Mahendra, A., Afgani, M. W., & Sirodj, R. A. (2024). Triangulasi data dalam analisis data kualitatif. *Jurnal Ilmiah Wahana Pendidikan*, 10(17), 826–833. <https://doi.org/10.5281/zenodo.13929272>
- Ramlan, M. A. F., Baharuddin, E., Syed Aziz, S. N., & Ab Aziz, N. (2025). Kaedah hafazan Akademi Al-Quran Amalillah (AKMAL) Speed Tahfiz Program (STP): Memorization method of Akademi Al-Quran Amalillah (AKMAL) – Speed Tahfiz Program (STP). *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*, 10(57), 960–972. <https://doi.org/10.35631/IJEPC.1057061>
- Salihin, M. S., Hashim, I. Z., Nik Hanafi, N. M. N., Mansor, F. N., & Ahmad Mahir, M. (2018). Penghayatan muraja'ah al-Quran dalam kalangan pelajar Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Dalam *Proceedings of the 5th International Research Management & Innovation Conference (5th IRMIC 2018)*.

- Syed Aziz, S. N., Baharudin, L., & Suhaimi, M. S. (2024). Cabaran pelajar tahfiz dalam menamatkan hafazan 30 juzuk: Kajian kes di Universiti Islam Selangor. *QIRAAT: Jurnal Al-Quran dan Isu-Isu Kontemporari*, 7(2), 27–40. <https://doi.org/10.53840/jq.v7i2.86>
- Wan Jusoh, W. K., Mohd Razali, M. A., Abdul Rahman, A., Abdul Rahman, K., & Mat Zin, N. F. (2020). Cabaran pemantapan hafalan al-Quran dalam kalangan para hafiz al-Quran: Satu kajian literatur. *Jurnal KIAS*, 13(1), 1–10. <https://ejournals.kias.edu.my/index.php/jurnalkias/article/view/148>
- Yaacob, M. T., & Mohd Zain, A. R. (2018). *Perkembangan tahfiz al-Quran: Suatu kajian di Darul Quran*. Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.